

Pencalonan Dr Rais perlu sokongan Asia

BH-11/6/2007

KUALA LUMPUR: Malaysia berharap anggota Komanwel, terutama dari Asia memberi peluang dan menyokong pencalonan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim untuk jawatan Setiausaha Agung pertubuhan itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia mempunyai peluang cerah menerajui jawatan itu yang akan dikosongkan untuk giliran wakil Asia.

Pemilihan Setiausaha Agung Komanwel bagi menggantikan Don McKinnon dari New Zealand yang

akan menamatkan perkhidmatannya 31 Mac tahun depan dijangka dibuat pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Uganda, November ini.

Ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam, Syed Hamid berkata, Malta menunjukkan minat menduduki jawatan itu tetapi dilihat tidak berpeluang kerana negara itu bukan dari benua Asia, kecuali India yang sebelum ini turut menyatakan hasratnya.

"Banyak negara Komanwel sebelum ini sudah bertanya sama ada Malaysia berminat untuk jawatan itu dan berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul-

lah Ahmad Badawi bersetuju mencalonkan Dr Rais.

"Kita harap negara anggota Komanwel memberi peluang dan menyokong Malaysia menerajui organisasi multi lateral ini," katanya.

Ditanya beliau akan berbincang dengan India supaya memberi laluan kepada Malaysia untuk jawatan itu, Syed Hamid berkata:

"Kita tengok dulu perkembangan dan usaha lebih kuat akan dijalankan untuk Malaysia mendapatkan sokongan."

"Calon kita (Dr Rais) adalah tokoh berpengalaman di arena antarabangsa dan beliau layak

menerajui jawatan itu," katanya.

Kelmarin, Wisma Putra dalam kenyataannya menyebut Malaysia mencalonkan Dr Rais untuk jawatan Setiausaha Agung Komanwel berdasarkan pengalaman dan pembabitan luasnya di arena antarabangsa.

Beliau juga pernah menjawat jawatan Menteri Luar dan berpengetahuan luas dalam bidang perundangan, termasuk undang-undang antarabangsa.

Difahamkan, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam juga pernah dicadang sebagai calon Setiausaha Komanwel, tetapi beliau dikatakan menolaknya.